myMetro

# Covid-19: Kemasukan semua pengembara asing diketatkan - PM [METROTV]

Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kemasukan pengembara asing ke Malaysia akan dikawal dengan lebih ketat tanpa menjuruskan kepada mana-mana negara, termasuk yang mempunyai kadar kes Covid-19 yang tinggi seperti China dan Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata, masalah kesihatan rakyat adalah hal yang paling utama dan soal pelancongan atau pertumbuhan ekonomi tidak boleh mengatasi kepentingan mengawal dan merawat rakyat dari segi wabak serta jangkitan, termasuk Covid-19.

Justeru katanya, pemantauan terhadap kemasukan pengembara itu akan terus dipantau secara telus tanpa melonggarkan syarat yang ditetapkan, antaranya pengesanan suhu badan.

"Sekarang kita tidak ambil pendirian untuk mendiskriminasi mana-mana negara kerana kalau dilihat kadar jangkitan di China seperti yang diuar-uarkan, kita juga tahu kematian di AS juga tinggi, begitu juga dengan beberapa negara lain.

"Kita ambil tindakan menyelamatkan rakyat kita, jadi sesiapa saja yang masuk harus dipantau dan dikenakan syarat sama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Perdana Putra, Putrajaya, hari ini.

Lonjakan ketara kes Covid-19 di China mengundang kegusaran banyak pihak termasuk rakyat Malaysia yang mahu kerajaan mengambil langkah kawalan terbaik seperti melakukan ujian saringan Covid-19 sebaik pengembara tiba di pintu sempadan negara.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri memaklumkan, tahun lalu, negara mencatatkan seramai 336,000 pelawat dari China dan majoritinya ialah pelancong.

Katanya, pada Disember lalu sahaja, jumlah pelawat dari negara itu adalah seramai 53,000 orang.

"Ia tidak memberi kesan seperti mana yang digembar-gemburkan dan kita tidak melihat jangkitan yang mengaitkan mana-mana negara.

"Saya nak jelaskan hal ini dari segi data yang kita peroleh tapi ini tidak bermakna, kita beri kelonggaran kepada mana-mana negara termasuk China.

"Kita harus pantau menurut keperluan dan kepentingan kita," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, Malaysia tidak mahu mengambil satu tindakan gopoh kerana beberapa laporan berkaitan kadar jangkitan yang tinggi di sesetengah negara.

"Saya mahu tekankan, kawalan itu diperketat tapi tidak memilih negara kerana umpamanya, pengunjung mungkin datang dari Indonesia tetapi bulan lalu, dia ke China.

"Hal-hal sedemikian lebih kompleks, jadi kita tidak mahu ambil tindakan yang gopoh.

"Jika dilihat tinjauan seluruh dunia, masalah itu lebih menyeluruh dan yang penting adalah kita tidak bertolak ansur dalam menjamin keselamatan rakyat," katanya.

Disiarkan pada: Januari 4, 2023 @ 3:36pm